**Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 1/1992**

**Pengutipan Uri--Uri Tidak Dituntut Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan**

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan pengutipan uri-uri- tidak dituntut di hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

2. Latarbelakang

2.1. Pada masa sekarang pembuangan uri-uri yang tidak dituntut telah menjadi satu masalah kepada hospital-hospital dimana uri-uri tersebut ditanam di kawasan-kawasan tertentu yang kian berkurangan.

2.2 Untuk menyelesaikan masalah ini, Kementerian Kesihatan memutuskan untuk membenarkan agensi tertentumengutip uri-uri yang tidak dituntut dengan cara yang bersih dan terkawal.

2.3 Agensi berkenaan akan menyediakan beberapa perkhidmatan seperti berikut:

(a) Menempatkan peti sejuk yang sesuai untuk digunakan bagi menyimpan uri-uri tersebut berdekatan dengan bilik bersalin.

(b) Menyediakan segala keperluan bahan-bahan pembungkusan semasa menjalankan perkhidmatan ini.

(c) Penyelia dan mengawas peti-peti sejuk ini secara berkala.

(d) Lawatan secara berkala oleh agensi ini untuk mengutip uri-uri tersebut.

3. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

Sila edarkan pekeliling ini kepada semua hospital. Pengarah, Penguasa Perubatan dan Pegawai Perubatan y/m di tiap-tiap hospital adalah bertanggungjawab ke atas pelaksanaan pekeliling ini.

4. PEMBATALAN PEKELILING

Dengan ini pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.52/1982 Pembuangan Uri bertarikh 4 November 1982 adalah dibatalkan.

5. PERTANYAAN

Segala pertanyaan mengenai pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
(UP: Dr. Omar Hj. Abdul Hamid)

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' (DR) ABU BAKAR BIN DATO' SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia.